
Title	Penglibatan saya dalam perkembangan bahasa Melayu dalam era pramerdeka dan pascamerdeka
Author(s)	Muhammad Ariff bin Ahmad

Copyright © 2000 Muhammad Ariff bin Ahmad

disampaikan sempena pelancaran
projek SEJARAH LISAN PERKEMBANGAN BAHASA MELAYU
di Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur
pada Isnin 19 Jun 2000; jam 9.00 pagi

penglibatan saya dalam
PERKEMBANGAN BAHASA MELAYU
dalam era pramerdeka dan pascamerdeka

Dengan menggunakan bahasa Melayu, saya telah mula menulis semenjak 1943 ketika Singapura bernama *Syonan-to*. Saya mula menulis karya kreatif apabila diminta ketua kumpulan *Sandiwara Syonan Tengah*, menuliskan naskah sandiwara untuk persembahan kumpulannya menerusi *Syonan Chyuo Hosyo Kyoku*. Beberapa naskah sandiwara berbahasa Melayu telah saya hasilkan untuk kegunaan kumpulan itu.

Namun, menulis memperkatakan tentang bahasa Melayu itu sendiri, baru saya mulai semenjak November 1947. Ketika itu saya masih menuntut di SITC. Mula-mula telah saya tulis 2 makalah berjudul ***Bahasa Melayu Akan Datang*** yang telah disiarkan majalah *Kencana* keluaran November 1947 dan Januari 1948.

Menerusi kededua makalah itu saya kemukakan tentang *ejaan rumi* sistem sekolah yang kurang saya senangi – pertama: mengenai penyelarasan huruf saksi [sekarang kita sebut vokal], dan kedua: mengenai penggunaan huruf kembar.

(1) Mengenai penyelarasan vokal, saya masalahkan tentang kekecualian pemakaian vokal **o** dan **e**.

Kaedah ejaan sekolah menentukan pemakaian vokal *halus+halus* (hh) dan *kasar+kasar* (kk) [sekarang disebut *vokal sempit* dan *vokal luas*], misalnya pada ejaan: yang hh seperti ***bimbit, minum, lulus, tulis, timun, kutil*** dsbg.

Yang kk seperti ***deret, boros, gores, comel, herot*** dsbg.

tetapi.. apabila *huruf saksi* itu tersekat oleh *huruf-huruf* [sekarang disebut *konsonan*] ***k, h, r*** dan ***ng*** maka berlakulah kekecualian kepada kaedah hh/kk tadi, *vokal i* harus ditukar menjadi ***é*** dan *vokal u* ditukar menjadi ***o***, misalnya pada ejaan seperti:

<u>pilih</u>	harus dieja	<u>pileh</u>
<u>sedih</u>	harus dieja	<u>sedeh</u>
<u>buluh</u>	harus dieja	<u>buloh</u>

<u>tengkuk</u>	harus dieja	<u>tengkok</u>
<u>duduk</u>	harus dieja	<u>dudok</u>
<u>burung</u>	harus dieja	<u>burong</u>
<u>bedung</u>	harus dieja	<u>bedong</u>
<u>tidur</u>	harus dieja	<u>tidor</u>
<u>sembur</u>	harus dieja	<u>sembor</u>

Semasa hayatnya, Pendeta Za'ba pernah saya tanyai: mengapa harus kita tukar vokal **i** menjadi **e** dan vokal **u** menjadi **o** apabila vokal-vokal itu bertambung dengan konsonan **h, k, r** dan **ng**?

Agak berjenak juga beliau membandingkan antara **duduk** dengan **dudok** dan antara **burung** dengan **burong**; baru beliau jawab pertanyaan saya sambil tersenyum, katanya: "*tak cantiklah **burong** itu hendak dieja **b-u-r-u-ng**, dan **dudok** hendak dieja **d-u-d-u-k**; kita sudah biasa mengejanya **burong** dan **dudok**."*

(2) Mengenai huruf kembar pula, saya musykilkan penggunaan:

th bagi konsonan (ث) seperti *mithal, thabit* dan yang sebagainya

dz bagi konsonan (ذ) seperti *dzat, bedza* dan yang sebagainya

dz bagi konsonan (ض) seperti *redza, Ridzwan* dan sebagainya.

Dalam makalah itu saya sarankan supaya:

td digunakan sebagai (تد) untuk *retda, hatdir* dan sebagainya

th digunakan sebagai (ط) untuk *bathal, thaat, thaib* dsbg

ts digunakan sebagai (ث) untuk *mitsal, tamtsil* dan sebahainya.

Saya tulis makalah itu, mungkin dengan sangat terpengaruh oleh kaedah ejaan Melindo (tak rasmi) yang digunakan majalah *Fajar Asia* yang terbit di Syonan-to, menyaingi majalah *Semangat Asia* yang menggunakan ejaan Sekolah. Ejaan sekolah di Singapura pada masa itu ialah ejaan kaedah Za'ba yang *dimodify* almarhum Cikgu Mahmud Ahmad.

Masalah saya tidak terpecahkan pada masa itu, kerana makalah itu hanya direspon seorang penulis yang menamakan dirinya *Syamsir Junus*; pembaca-pembaca lain tidak memberikan perhatian terhadap makalah saya itu, Lagipun pada masa itu saya masih menuntut, keutamaan lebih saya tumpukan kepada pelajaran saya. Sayangnya hingga sekarang ini pun saya tak pernah berkenalan dengan Syamsir.

Pada masa menuntut di SITC (1946-49) saya telah menjadi anggota *World Wide Correspondance Pen Pall* bagi pelajar kolej dan universiti; dan pada 1947 saya telah diminta pengasas Sahabat Pena, Jymy Asmara, meluaskan keanggotaan Sahabat Pena di SITC. Apabila SP dikecualikan daripada pendaftaran oleh R of S pada 1 September 1947, di SITC sudah ada 32 orang studan menyertai saya menjadi anggotanya.

Antara rerakan SP itu, ada yang hendak berkenal-kenalan melalui surat-menyurat; ada yang hendak mengetahui keadaan kampung, negeri masing-masing; ada yang gemar bertukar-tukar gambar dan pelbagai macam. Tidak berapa pasti saya entah-entah ada surat-menyurat yang memabawa SP dan SPW sampai berpimpin tangan naik ke janjang pelamin.

Antara rerakan SP itu banyak juga *penulis budiman* yang berkarya dan menulis ke majalah dan surat khabar. Kepada mereka pernah saya suarakan: alangkah baiknya jika kita berkumpul dalam satu persatuan penulis/pengarang yang bergiat mengenai penulis dan kepenulisan. Tetapi hal demikian hanya tinggal dalam angan-angan dan kenangan sahaja kerana pada masa itu saya sedang menuntut.

Apabila saya tamat SITC dan pulang ke Singapura pada 1949, saya telah dilantik menjadi anggota Jabatan Penerangan dan Persuratan KGMS (Kesatuan Guru-guru Melayu Singapura). Menerusi mesyuarat bulan Mac 1950, saya cadangkan supaya KGMS mengundang para pengarang dan ahli-ahli bahasa Melayu Malaya untuk menubuhkan persatuan pengarang yang saya angan-angankan. JKP (Jawatankuasa Pengelola) KGMS bergerak langkah demi langkah memakan masa.

Dengan takdir Allah swt, pada 29 April 1950, datanglah ke Singapura, seorang ahli bahasa Indonesia, Prof Sutan Mohd Zain. Pak Sutan mengundang ahli bahasa dan wartawan Utusan Melayu dan Melayu Raya ke Konsulat Indonesia di bangsan KPM. Turut sama dalam kumpulan yang diundang itu: saya, Masuri, Asraf, Hamzah, Rosmera dan Jymy Asmara,

Memperkenalkan kepada Pak Sutan, Hamzah mengatakan kami berenam itu datang dari sasterawan Angkatan 50. Saya terkejut tetapi tidak membantah. Pertemuan dengan Pak Sutan berpusat kepada sebutan **bahawa** atau **bahwa**. Pak Sutan menguji tiap kami supaya menyebut *bahawa* atau *bahwa*. Menurut pendengarannya, Pak Sutan mendapati lebih banyak yang menyebut *bahwa* daripada yang menyebut *bahawa*.

Pulang dari Konsulat kami berkumpul minum di kedai kopi di simpang Lorong 24 dengan Geylang Road. Sambil minum itu saya beritahu rerakan akan cadangan saya yang sedang ditimbangkan JKP/KGMS. Perbualan kami itu telah memutuskan menyuruh saya mengundang penulis-penulis budiman ke suatu pertemuan membahaskan penubuhan sebuah persatuan.

Dari daftar anggota SP Jymy Asmara, saya pilih kira-kira 60 penulis muda yang tinggal di sekitar Singapura, Johor dan Melaka; saya undang ke pertemuan yang diadakan di kediaman saya di No 24 H, Henderson Road pada 6 Ogos 1950. Daripada yang diundang itu hanya 19 orang yang hadir. Sekalian yang hadir bersetuju menubuhkan persatuan penulis/pengarang yang dinamakan Angkatan Sasterawan 50 dengan singkatan Asas 50.

2 bulan kemudian, pada 1 Oktober 1950, barulah JKP/KGMS melaksanakan cadangan saya mengundang pengarang dan ahli bahasa, lalu menubuhkan *Lembaga Bahasa Melayu Singapura*. Saya turut menganggotai juga *Lembaga* itu, dan 2 tahun yang mula-mula, saya dilantik jadi pemeriksa kira-kiranya.

Sebagai pengerusi JK protem, pada tahun pertama Asas 50 itu saya sibuk dengan urusan perlembagaan, pendaftaran dan promosi, di samping menambah jumlah anggota. Tambahan pula, oleh sebab itulah pertama kali kita gunakan kata *sasterawan* sebagai ganti kata penulis/pengarang, maka ada pengarang lama yang memperolok-olokkan kami sebagai *tukang telek* Kerana dalam sastera lama: sasterawan itu ialah ahli nujum.

2 lagi pertubuhan persuratan dan bahasa – Asas 50 dan Lembaga Bahasa - sudah tertubuh, sebagai tambahan kepada Persatuan Persuratan Pemuda Pemudi Melayu Singapura yang telah tertubuh pada 1948, namun angan-angan saya hendak menyatukan pengarang/penulis se-Malaya belum tercapai. Maka dalam MAT pertama Asas 50 pada Februari 1951 diputuskan supaya:

- (1) Asas 50 mengadakan satu konfransi penulis se-Malaya;
- (2) Asas 50 menulis kepada penerbit supaya menimbangkan honorarium sasterawan.

Sebagai Setiausaha 1 Asas 50, saya garap kededua keputusan MAT itu. Penerbit *Utusan Zaman* ialah penerbit yang mula-mula merespons surat saya dan memberi honorium \$5.00 kepada makalah yang disiarkannya. Kebetulan penulis yang mula-mula menerima honorarium [kesan dari surat Asas 50] ialah saya sendiri – bagi tulisan saya menerangkan keraguan seorang pengarang lama, almarhum Sheikh Abdullah Bashmih yang meragukan *mengapa kekata sastera yang diapit ke... an jadi kesusasteraan, bukan kesasteraan?*

Dalam tahun 1951-52, selain daripada ruangan kebudayaan yang diisi Cikgu Mahmud Ahmad, Ramli Abdul Hadi membuka ruangan bahasa dan sastera di Radio Malaya Singapura. Ramli mengundang anggota Asas 50 dan Lembaga Bahasa menyampaikan ceramahnya berselang Minggu. Sebagai anggota kepada kededua pertubuhan itu, apabila bercakap tentang sastera, saya bercakap bagi pihak Asas 50; dan apabila bercakap mengenai bahasa, saya bercakap bagi pihak Lembaga Bahasa.

Barangkali, oleh sebab waktu terlalu suntuk, undangan Asas 50 tidak mendapat sambutan yang wajar dari persatuan-persatuan persuratan seluruh Malaya. Maka Asas 50 mengundang KGMS, Trengkas Melayu, Lembaga Bahasa dan 4PM bersama-sama membentuk sebuah panitia konfransi. Saya telah dilantik menjadi Setiausaha Panitia itu.

Akhirnya, Konfransi telah diadakan di Seaview Hotel Singapura pada 12 April 1952. 20 pertubuhan yang menghadiri konfransi bersetuju mengikat kerjasama dalam bentuk Kongres yang dinamakan Kongres Persuratan Melayu se-Malaya. Esoknya, 13 April 1952 KPMM 1 telah membincangkan masalah ejaan. Sebuah jawatankuasa penyiasat Ejaan Rumi Jawi telah ditubuhkan.

KPMM2 yang telah diadakan di sekolah KGV Seremban pada 31 Disember 1953 hingga 2 Januari 1954 memutuskan, antaranya:

- (1) menggunakan tulisan Rumi sebagai tulisan rasmi persuratan Melayu dengan tidak menggugat tulisan Jawi.
- (2) Mengadakan konfransi antara ahli-ahli bahasa Malaya dan Indonesia pada tiap atau berselang tahun.

Keputusan ke-2 ditugaskan kepada Asas 50 mananganinya. Selaku Ketua 1 Asas 50 pada masa itu, saya hubungi Indonesia menerusi majalah Medan Bahasa di Jakarta. Kebetulan Indonesia sedang bersedia hendak mengadakan K2 Bahasa Indonesia di Medan pada 28 Oktober hingga 2 November 1954. Mereka undang KPMM supaya menghantar perwakilannya ke sana.

Saya undang kerabat KPMM yang di selatan Semenanjung, mengadakan Kongres Kecil untuk memilih wakil-wakil KPMM serta mencarikan biaya pemergian perwakilan KPMM tersebut. Akhirnya dengan perolehan \$1,410.10 Kongres Kecil dapat menghantar 5 orang wakil KPMM [Harun Aminurrashid, Mahmud Ahmad, Kamaluddin Muhammad, Mohamed Assry Haji Muda dan Hajah Zain Sulaiman] menghadiri kongres yang diadakan di Medan itu.

KPBMM3 diadakan pada 19 hingga 26 September 1956. Pembukaan Rasmi dan bengkel-bengkel kerjanya dilaksanakan di Universiti Malaya Singapura, dan majlis Penutupnya disempurnakan di Johor Bahru. Saya jadi penolong setiausaha panitia dan setiausaha akhbar Kongres tersebut. Sebanyak 31 kertas kerja telah dibincangkan Kongres – termasuk penubuhan sebuah Balai Pustaka yang kemudian diubah menjadi Dewan Bahasa dan Pustaka, Penubuhan Lembaga Tetap Kongres dan Pembentukan Jawatankuasa Ejaan.

JK Ejaan KPBMM telah bekerjasama dengan Team Ejaan Indonesia membaiki dan menyekatakan sistem ejaan sehingga terbentuk Ejaan Melindo yang dijangka akan mulai sama-sama digunakan di Malaya dan di Indonesia pada Januari 1954. Namun, apabila Persekutuan Tanah Melayu merdeka pada 1957, Orang Singapura yang menganggotai LTK dan JKE KPBMM3 tak dapat lagi mengekalkan kedudukannya dalam kededua perbadanan KPBMM itu.

Di Singapura kita tubuhkan sebuah LTK yang terus memperjuangkan bahasa, persuratan dan Kebudayaan Melayu. LTK Singapura didaftarkan di RoS dengan keanggotaan 43 buah pertubuhan persuratan dan kebudayaan; dengan saya sebagai pengerusi dan Husin Jahidin sebagai setiausahanya.

Apabila bahasa Melayu didaulatkan sebagai Bahasa Kebangsaan Singapura pada 1959 pelibatan saya dalam pengembangan dan pengajaran bahasa Melayu di Singapura semakin meluas.

Di samping menulis karya kreatif [puisi, cerpen, novel kanak-kanak dan dewasa] saya telah diminta Radio Singapura bahagian Melayu dan Cina supaya menyediakan skrip pelajaran bahasa Kebangsaan untuk pendengarnya; diminta STU (Singapore Teachers' Union) supaya mengisi ruangan pelajaran bahasa Kebangsaan dalam *bulletinnya* "Mentor" untuk anggotanya.

Penerbit Marican & sons telah meminta saya tuliskan buku teks pelajaran bahasa kebangsaan untuk pelajar-pelajar bukan Melayu di sekolah-sekolah bukan Melayu. Saya tulislah siri buku Bahasa Negaraku 6 buku untuk sekolah primary dan bersama Cikgu Mohd Yusof Lana, saya tuliskan 4 buku Asas Bahasa Melayu Baru yang diterbitkan Pan Pacific Book Distributor untuk sekolah-sekolah Menengah.

Di samping itu, atas nama LTK, saya bantu Kementerian Kebudayaan melaksanakan kempen-kempen menggunakan bahasa Kebangsaan melalui minggu-minggu dan bulan-bulan bahasa Kebangsaan yang diadakan dari masa ke masa.

September 1963 Malaysia terbentuk; Singapura masuk Malaysia. Indonesia mengonfrant Malaysia; Ejaan Melindo tak dapat dilaksanakan pada 1964.

Teman juang saya dalam Asas 50 [kebanyakannya sasterawan yang sudah mapan] sama ada "balik kampung" atau berhijrah(?) ke Malaysia. Perkembangan kesusasteraan Melayu di Singapura seolah-olah melembap. Saya ajak adik-adik sasterawan yang mulai matang menganggotai Asas 50; kita longgarkan kretaria kemasukan, kita adakan bengkel-bengkel bimbingan dan perkampungan. Alhamdulillah *yang patah mula tumbuh* dan *yang hilang mulai berganti*.

Tahun 1965 Singapura keluar dari Malaysia. Kementerian Kebudayaan Singapura menubuhkan Jawatankuasa Ejaan Rumi Melayu dan meminta JKERM mengemukakan sistem ejaan Rumi Melayu yang sesuai digunakan bagi bahasa Melayu Singapura. Saya mewakili LTK menjadi anggota JKERM itu. JKERM telah menjalankan tugasnya berasaskan sistem Ejaan Melindo yang tak jadi dilaksanakan pada 1964 itu.

Tahun 1966 LTK Singapura telah mengadakan Kongres Bahasa Kebangsaan, membincangkan ejaan Rumi, Perkembangan dan pengajaran Bahasa dan Kesusasteraan Melayu di Singapura. Sebagai pengerusi LTK sekaligus saya menjadi Pengerusi Kongres tersebut.

Kebetulan pada tahun itu Indonesia menamatkan konfrantasinya terhadap Malaysia. Terbentuklah MBIM (Majlis Kebahasaan Indonesia Malaya). Maka Kongres menanggukhan saranan hendak menggunakan ejaan Melayu Singapura sehingga melihat keputusan ejaan MBIM; manakala saranan mengenai bahasa dan kesusasteraan dicuba dilaksanakan semampu-mampunya.

Tahun 1972, Malaysia dan Indonesia mulai menggunakan ejaan Rumi sistem MBIM walaupun terdapat [terlalu minimum] perbezaan yang disetujui kedua-dua pihak. Singapura baru menggunakan ejaan yang dipakai di Malaysia semenjak tahun 1977. Dengan menggunakan ejaan baru itu, Kementerian Kebudayaan telah menubuhkan Jawatankuasa Ejaan Rumi yang baru pada tahun 1981 untuk memantau sama ada ejaan baru itu digunakan dengan betul. Saya duduk lagi dalam Jawatankuasa baru itu.

Tahun 1983 JKE dinatarkan jadi Jawatankuasa Bahasa Melayu Singapura dan tugasnya ditambah. Dalam JBMS ada JK Ejaan dan JK Istilah. Saya dijadikan ketua dalam JKE dan Haji Yatiman mengetuai JKI. Pada tahun 1984 saya mengiringi Pengerusi JBMS, Haji Wan Husin Haji Zohri menjadi pemerhari Mesyuarat ke-24 MBIM di Jakarta.

Tahun 1988, Di bawah kepengerusian Haji Sidek Saniff, MBMS mulai mengempenkan penggunaan bahasa Melayu yang betul, yang baik dan yang baku di Singapura. Kemudian, menyambung usaha JK Hadiah Sastera dan Majlis Pusat, menganugerahkan Hadiah kepada penulis setempat pada tiap dua tahun.

Dalam kerancangan menggalakkan penggunaan sebutan baku, JBMS dinatar lagi menjadi Majlis Bahasa Melayu Singapura pada 1992. Saya selalu terlibat dalam banyak kegiatan bahasa baku. Terima kasih kepada 2 tokoh Malaysia – Encik Ismail Dahaman dan Haji [sekarang Dr] Awang Sarian yang sangat banyak membantu kami menambah pengetahuan dan menyuburkan penggunaan sebutan Melayu baku di Singapura.

Mulai 1993, MBMS memberikan *anugerah* dan *anumerta* persuratan yang disebut *Anugerah Tun Seri Lanang* kepada penulis setempat yang dianggap telah memberi sumbangan terbanyak kepada perkembangan dan kemajuan persuratan Melayu di Singapura tiap dua tahun. Kebetulan saya telah diberi kehormatan yang pertama, menerima *Anugerah TSL* pada 1993 – Masuri S.N. menerima pada 1995; Abd Ghani Hamid 1997 dan Suratman Markasan 1999.

Hingga sekarang (19 Jun 2000) saya masih Ketua 1 Asas 50 dan Penasihat kepada Persatuan Guru-guru Bahasa Melayu Singapura, kepada KAMUS (Kumpulan Angkatan Muda Sastera) dan Majlis Pusat Pertubuhan-pertubuhan Budaya Melayu Singapura.

Dimikianlah, antara kenangan yang dapat saya cetuskan dalam jangka waktu yang terbatas. Mudah-mudahan akan ada tentuan dan pempuan yang dapat membaca mamoir saya yang insya Allah akan diedarkan pada 6 Disember hujung tahun ini.

Sekian. Terima kasih.
Wabillahit-Taufiq wal-Hidayah...
Wassalamualaikum wR wB.

Perpustakaan Negara Malaysia
Kuala Lumpur 16 Rabiulawal 1421
19 Jun 2000.